

**PARLIMEN: 196,014 Dapatkan Bantuan AKPK Selesai Masalah Pinjaman
Bernama
11 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Sebanyak 68 peratus individu yang telah mendapatkan bantuan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terdiri daripada mereka yang mempunyai pendapatan bawah RM3,000 sebulan, Dewan Rakyat diberitahu Khamis.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata 196,014 individu telah mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling kredit daripada AKPK sehingga Ogos lepas.

Profil individu berkenaan menunjukkan 57 peratus daripada mereka berusia bawah 40 tahun, 67 peratus adalah lelaki, 32 peratus dari sektor swasta, 48 peratus bekerja sendiri dan lapan peratus merupakan penjawat awam.

Menjawab soalan Datuk Md Sirat Abu (BN-Bukit Katil) di Dewan Rakyat hari ini, Awang Adek berkata 77,994 telah dibantu melalui program pengurusan kredit AKPK yang membolehkan pinjaman mereka dijadual semula bagi mengelak daripada diisytihar muflis oleh mahkamah.

"Seramai 2,316 orang berjaya sepenuhnya dan dikeluarkan daripada program itu melibatkan jumlah hutang RM72.5 juta," katanya.

Ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan mula beroperasi pada 2006, AKPK menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, penyusunan semula pinjaman, kaunseling kredit dan pendidikan kewangan kepada peminjam serta penjamin yang menghadapi masalah membayar balik pinjaman.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701209>